

HADITH DALAM MATN *HIRZ AL-AMANI* DAN *TAYYIBAH AL-NASYR*: OLAHAN MAKSUDNYA DALAM BENTUK SYAIR

Khairul Anuar Mohamad & Mohd Zaini Zakaria

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Nilai,
Negeri Sembilan

ABSTRAK

Matn Syatibiyyah dan *Tayyibah al-Nasyr* adalah rujukan utama dalam ilmu Qiraat. Imam al-Syatibiy menghasilkan *Matn Syatibiyyah* bersumber dari kitab *al-Taisir* yang dihasilkan oleh Imam Abu Amru al-Dani. Karya Imam al-Syatibiy ini menjadi teks utama dalam pengajian ilmu Qiraat Tujuh. Semua *Usul Qiraat* dan *Farsy Huruf* bagi semua *Qurra* diolah dengan bahasa yang amat baik dan menjadi hujah dalam ilmu Qiraat Tujuh. Manakala *Matn Tayyibah al-Nasyr* pula yang dihasil oleh Imam Ibn al-Jazari juga menjadi rujukan dalam Qiraat Sepuluh Kubra. Kandungannya diolah dari *Matn Syatibiyyah* dan *Matn Durrah*. Ijtihad Imam Ibn al-Jazari ini telah melengkap pengajian ilmu Qiraat Sepuluh. Menariknya jika dilihat dalam muqadimah kedua-dua *matn* tersebut terdapat bait syair yang diolah bersumber daripada hadith Rasulullah S.A.W. Perkara ini amat menarik dan perlu dibuat kajian untuk melihat bentuk syair yang digunapakai bersumberkan hadith. Selain itu ia juga melihat status hadith dengan cara melihat kepada takhrij hadith. Kajian mendapati hadith Nabi S.A.W. yang terdapat dalam dua *matn Qiraat* adalah berkaitan dengan kelebihan membaca al-Quran, anugerah yang mereka akan peroleh dan juga galakan untuk membaca al-Quran. Selain itu ia ada juga berkaitan cara membaca *isti'azah* dan *basmalah*. Kesimpulannya kedua *matn Qiraat* ini amat tinggi nilainya dalam ilmu Qiraat dan mengaitkan dalam kandungan muqadimahnya dengan beberapa hadith yang diolah dalam bentuk syair. Kedua-dua pengarangnya adalah mahir dalam ilmu Qiraat dan amat mahir juga dalam ilmu hadith.

Kata Kunci: Matn al-Hirz, Tayyibah al-Nasyr, Imam Syatibi

BIOGRAFI IMAM AL-SYATIBIY

Beliau ialah al-Qasim Ibn Firruh Ibn Khalaf Ibn Ahmad al-Ru'aini al-Syatibiy al-Andalusi. Dilahirkan pada akhir tahun 538 hijrah dalam keadaan cacat penglihatan. Walaupun begitu al-Syatibiy mempunyai kecerdikan yang tinggi sehingga diceritakan jika ada yang duduk berhampiran dengannya tetapi tidak mengetahui bahawa al-Syatibiy cacat penglihatan sudah tentu menyangka al-Syatibiy adalah celik disebabkan kecerdikannya, dan tidak ada tanda bahawa al-Syatibiy adalah cacat penglihatan.

Al-Syatibiy pernah mengungkap syair perihal dirinya dengan berkata:

وقالوا قد عميت فقلت كلا وإني اليوم أبصر من بصير

سواد العين زار سواد قلبي ليجمعنا على فهم الأمور¹

“Mereka berkata sesungguhnya kamu buta dan aku menjawab tidak sekali sesungguhnya pada hari ini aku lebih celik daripada mereka yang melihat. Mata hitam ku melawat kegelapan hatiku untuk sama-sama memahami perkara yang berlaku”.

Menuntut Ilmu

Imam Syatibiy menekuni ilmu Qiraat dengan ulamak Qiraat di Syatibah dan antaranya ialah Abu Abdillah Muhammad Ibn Abi al-‘As al-Nafzi. Al-Qufti menyatakan al-Syatibiy menguasai ilmu Qiraat sedangkan dia masih muda. Ramai yang membaca di hadapannya dan mengambil banyak manfaat darinya sedangkan usianya belum mencapai dewasa.

Imam Syatibiy juga telah mencari ilmu di luar Syatibah iaitu di Balansiyyah. Di sana beliau telah menekuni ilmu Qiraat dengan gurunya yang terkenal iaitu Abu al-Hasan Ali Ibn Huzail al-Andalusi al-Balansi. Dari gurunya ini, al-Syatibiy telah membaca kitab *al-Taisir* secara hafazan. Beliau juga mendengar hadith Rasulullah S.A.W. melalui kitab *Sahih Muslim*.

Selain Ilmu Qiraat, al-Syatibiy juga mendalami ilmu nahu dengan gurunya yang bernama Ibn Humaid iaitu Muhammad Ibn Ja’far Ibn Humaid Abu Abdillah al-Umawi al-Balansi yang meninggal pada tahun 586 hijrah. Beliau merupakan seorang *muqri’* yang alim lagi cerdik di samping menguasai ilmu nahu yang tinggi. Al-Syatibiy mendalami beberapa kitab antaranya ialah kitab *Sibawaih*, *al-Kamil* oleh al-Mubarrad dan *Adab al-Katib* oleh Ibn Qutaibah dan kitab-kitab lain.

Dalam ilmu hadith, al-Syatibiy amat cenderung dan meminati dengan kitab *Sahih Muslim*. Beliau telah mendalami *Sahih Muslim* dari tiga guru yang tersohor dalam bidang hadith iaitu Abu al-Husain Ali Ibn Huzail, Abu Muhammad Abbas Ibn Muhammad Abbas dan Abu Abdullah Muhammad Ibn Yusuf Ibn Sa’adah.

Pada tahun 572 hijrah, al-Syatibiy bermusafir menunai haji ke Makkah al-Mukarramah. Dalam perjalanannya ketika berada di Mesir, beliau pergi ke Iskandariyyah dan bertalaqqi dengan guru tersohor di sana iaitu Abu Tahir Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Ibn Salifah al-Asbahani al-Silafi. Menurut Ibn al-Jazari ketika menghurai biodata Abu Tahir al-Silafi beliau menyatakan bahawa beliau seorang yang menjaga Islam dan paling tinggi sanad dalam Qiraat dan hadith di kalangan penduduk bumi.

¹ Ibrahim Muhammad al-Jurmi, Imam Syatibiy Sayyid al-Qurra, 1420 H, cetakan pertama, Damsyik: Darul Qalam, hlmn 22.

HIRZ AL-AMANI WA WAJHU AL-TAHANI

Imam Syatibiy mula menulis Matanya ketika beliau di kampungnya Syatibah. beliau menulis bermula dari *muqadimmah* hingga ke rangkap 45 sahaja iaitu:

كل قارئ دليلاً على المنظوم أول أولاً جعلت أبا جاد على

Al-Syatibiy tidak dapat meneruskan penulisan di kampungnya kerana berlaku tekanan terhadapnya dari pihak pemerintah ketika itu. Pada tahun 572 hijrah ketika usianya mencecah 34 tahun beliau bermusafir ke Mesir dan singgah di Iskandariyyah. Al-Syatibiy mengajar Quran di *Jami' Amru Ibn al-'As* selama lapan tahun iaitu sehingga 580 hijrah. Selepas itu beliau mengajar di al-Madrasah al-Fadhiliyyah yang ditubuhkan oleh al-Qadhi al-Fadhil al-Baisani sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 590 hijrah.

Abu Syamah berkata sesungguhnya Allah swt telah mempermudah ilmu Qiraat ini kepada penuntutnya dengan *matn* yang dinazamkan oleh Abu al-Qasim al-Syatibiy melalui qasidahnya yang masyhur dan di kenali dengan *Hirz al-Amani* yang muncul pada akhirnya menakjubkan seluruh penduduknya. Lantas manusia tertumpu kepadanya dan membiar berlalu penulisan Qiraat yang lain. Mereka mengkaji kandungannya dengan menentukan kekeliruan dan menjelas kesamaran. Meskipun kecil bentuknya namun ilmunya banyak.

Ibn al-Jazari seorang tokoh terulung ilmu Qiraat dan dipanggil juga *Khatimat al-Muhaqiqin* menjelaskan kelebihan yang ada pada *Matn al-Syatibiyyah* dengan katanya sesiapa yang merenung dua qasidah karangnya (*Hirz al-Amani* dan *Aqliah*) akan mengetahui anugerah yang Allah swt kurniakan kepada penulisnya terutama *al-Lamiyyah* di mana pakar bahasa tidak mampu mengatasi dan menandinginya. Kehebatannya tidak akan diketahui kecuali mereka yang cuba membuat seperti. Sesungguhnya kitab ini dikurniakan kemasyhuran dan penerimaan di mana aku tidak mengetahui penerimaan seumpamanya untuk kitab lain dalam bidang ini. Bahkan aku berani berkata meskipun dalam bidang lain. Sesungguhnya aku amat yakin *Matn Syatibiyyah* ini berada di seluruh Negara islam, bahkan setiap rumah penuntut ilmu akan tersimpan satu naskhah *Matn Syatibiyyah*.

Metode yang digunakan oleh al-Syatibiy dalam mengolah *Matn Syatibiyyah* ialah berpandukan kepada kitab *al-Taisir* yang dikarang oleh Abu Amru al-Dani (meninggal dunia pada tahun 444 hijrah). Kitab *al-Taisir* adalah kitab yang paling sahih dalam ilmu Qiraat Tujuh. Susunanya mudah dan ramai yang mengkaji dan mendalaminya. Sebahagian ulamak ada yang melakukan ringkasan untuk al-Taisir seperti Ahmad Ibn Ali Ibn Muhammad Abu al-Abbas al-Andalusi (meninggal dunia pada 640 hijrah), ada yang menghuraikannya seperti Abu Muhammad Abdul Wahid Ibn Muhammad al-Bahili (meninggal pada tahun 705 hijrah) dan ada yang menazamkannya seperti Malik Ibn Abdulrahman Ibn Ali al-Maliqi yang terkenal dengan Ibn al-Murahhal (meninggal pada tahun 699 hijrah).

² Al-Qasim Ibn Firruh Ibn Khalaf al-Syatibiy, *Matn al-Syatibiyyah al-Musamma Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, 1990/1410 H, cetakan kedua, Madinah al-Munawwarah: Maktabah Dar al-Matbu'at al-hadithah, hlmn 4.

Bagi al-Syatibi pula, beliau amat mengambil berat dengan kitab *al-Taisir*. Beliau cuba memahaminya. Bukan sekadar itu sahaja tetapi al-Syatibiy telah menghafaz seluruh kandungan kitab *al-Taisir*. Ingatan al-Syatibiy amat kuat dan beliau telah membaca secara hafazan kitab *al-Taisir* di hadapan beberapa gurunya antaranya ialah Abu al-Hasan Ali Ibn al-Huzail al-Balansi. Cintanya kepada kitab *al-Taisir* tidak cukup sekadar itu, bahkan beliau telah menazamkan *al-Taisir* dan rangkap syair dan dimasyhurkan namanya dengan *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Dalam rangkap syairnya al-Syatibiy menyatakan:

وفي يسرها التيسير رمت اختصاره فأجنت بعون الله منه مؤملا

وألفافها زادت بنشر فوائد فلفت حياءً وجهها أن تفضلا

Sesungguhnya aku berniat untuk meringkaskan semua masalah yang terdapat dalam kitab al-Taisir dengan apa yang dipermudahkan Allah swt melalui beberapa rangkap syair. Qasidah ini mampu mencapai dan banyakk lebihannya dengan taufiq Allah swt. Masalah yang terdapat dalam qasidah ini amat banyak dan mengatasi kandungan yang terdapat dalam kitab al-Taisir seperti bab makharij al-Huruf. Meskipun begitu aku tidak mampu berkata ia melebihi al-Taisir kerana al-Taisir adalah yang asalnya. Perkataan ini adalah contoh penghormatan al-Syatibiy kepada gurunya.

BIOGRAFI IBN AL-JAZARI

Beliau ialah Mohamed Ibn Mohamed Ibn Ali Ibn Yusuf al-Umri al-Dimasyqi yang terkenal dengan Ibn al-Jazari. Beliau lahir pada malam Sabtu 25 Ramadhan 751 Hijrah di Damsyik dan meninggal pada tahun 833H. Ibn al-Jazari dibesarkan di tempat lahirnya di Damsyik. Ayahnya seorang peniaga yang baik dan amat mengambil perhatian tentang ilmu. Justeru, beliau telah memberi didikan hafazan al-Quran kepada Ibn al-Jazari secara bertajwid. Ibn al-Jazari juga telah mempelajari beberapa ilmu seperti hadis, fekah dan lain-lain.

Ibn al-Jazari memulakan pengajian agama dengan menghafaz al-Quran, ketika itu berusia 13 tahun. Dalam pengajian ilmu Qiraat, antara gurunya ialah Syeikh Abi Mohamed Abd Wahab, Syeikh Ahmed Ibn Ibrahim al-Tham, Syeikh Ahmad Ibn Rajab, manakala Syeikh Ibrahim al-Hamami dan Abi al-Ma'li Mohamed Ibn Ahmad al-Lubnan adalah gurunya yang memberi tunjuk ajar dalam tujuh Qiraat.

Pada 768H, Ibn al-Jazari telah pergi menunaikan haji di Mekah, ketika itu beliau telah membaca dihadapan imam dan khatib Masjid Nabi iaitu Abi Abdillah Mohamad Ibn Salih al-Khatib melalui kitab *al-Taisir* dan *al-Kafi*. Pada tahun berikutnya 769H, beliau telah bermusafir ke Kaherah, Mesir. Di sana beliau telah membaca 12 Qiraat daripada Syeikh Abi Bakar Abdullah al-Jundi. Di samping itu, beliau juga mempelajari dari Abi Abdillah Mohd Ibn al-Saigh dan Abi Mohamed Abdurrahman Ibn al-Baghdadi melalui kitab *al-Unwam*, *al-Taisir* dan *al-Syatibiy*. Setelah menamatkan pengajian dari guru ini beliau telah kembali ke Damsyik.

Kali kedua beliau ke Mesir, beliau telah membaca sepuluh Qiraat daripada Ibn al-Saigh, manakala dengan Ibn al-Baghdadi beliau telah membaca empat belas Qiraat tidak termasuk Qiraat al-Yazidy.

Sekembalinya dari Mesir, Ibn al-Jazari telah mengkhatamkan 7 Qiraat dihadapan gurunya Ali al-Qadhi Abi Yusof Ahmad Ibn al-Huzim al-Hanafi. Seterusnya beliau masih lagi meneruskan pengajiannya dalam bidang Qiraat dengan melakukan ziarah kali ketiga ke Mesir. Kali ini beliau membaca dihadapan Syeikh Abdul Wahab al-Qurawi melalui kitab *al-Iklan* dan lain-lain. Selepas itu, beliau telah meneruskan perjalanan ke Iskandariyah dan membaca Qiraat dihadapan Qari yang tersohor ketika itu iaitu Ibn al-Damamini.

Sumbangan dan Penulisannya

Pada tahun 774H, Abu al-Fida Ismail Ibn Kathir telah mengizinkan dan mengijazah Ibn al-Jazari untuk berfatwa. Ijazah Fatwa juga telah diberi oleh Diya al-Din al-Qazuwaini pada tahun 775H. Pada tahun 785H, Syeikh al-Islam al-Bulaqimi juga telah mengijazah beliau untuk berfatwa. Selepas menerima pengijazahan dari gurunya, Ibn al-Jazari mula mengajar al-Quran di Janu' bani Umayyah. Selain itu beliau juga adalah pakar rujuk di Adiliyah, Dar al-Hadith al-Asyrafiiyyah, Turbah Umi al-Salih. Ulamak-ulamak sezamannya turut serta dalam mengikuti siri-siri pengajarannya. Antaranya ialah al-Syihab Ibn Hajar, beliau turut mengulas tentang gurunya itu, " Ibn al-Jazari adalah seorang guru yang mulia".

Ibn al-Jazari adalah salah seorang ulama yang mengkayakan perpustakaan Islam dengan khazanah penulisan yang amat berharga. Penulisannya meliputi ulum al-Hadith, al-Quran dan al-Qiraat. Secara khususnya beliau amat banyak menulis dalam bidang Qiraat manakala ilmu-ilmu Islam lain beliau menghasilkan dengan kuantiti yang tidak begitu banyak. Sebahagian penulisannya telah diterbitkan dan banyak lagi penulisannya dalam bentuk manuskrip yang belum dicetak. Antara kitab-kitabnya yang masyhur dan diterbit pada hari ini adalah seperti berikut :

i. Al-Nasyr Fi Al-Qiraat Al-A'syr

Kitab ini mengandungi riwayat al-Quran yang sahih. Penulis buku ini memuatkan di dalam kitabnya bacaan sepuluh *Qurra*, Setiap Imam disebut dua perawai, setiap perawi disebut dua *tariq*. Setiap *tariq* disebut dua sumber iaitu maghribiyah dan masriqiyah, masriyyah dan iraqiyyah. Penulis juga menyebut *tariq* yang berhubung dengan *tariq* yang telah disebut. Dalam mukadimah buku ini penulis telah menegaskan bahawa "aku telah mengumpul riwayat² dalam satu kitab ini untuk menjadi rujukan yang muktamad. Aku tidak akan meninggalkan sebutan Imam-imam yang thiqah ini satu huruf kecuali aku menyebutnya, tidak ada yang tertinggal kecuali aku menyatakannya. Tidak ada yang kusut kecuali aku terangkannya, tidak ada yang jauh kecuali aku rapatkannya, tidak ada yang bercerai kecuali aku himpunkannya, seterusnya berkata...perwayatan Qiraat meliputi *al-Syatibiyah* dan *al-Taisir* ia terdapat tujuh Qiraat dan empat belas *tariq* dan jika kamu melihat kitab kami ini mengandungi 80 *tariq* yang tahqiq". Pada akhirnya beliau berkata "sebenarnya kitab ini adalah penyambung sepuluh Qiraat dan barangsiapa yang menyangka ilmu ini telah mati maka 'katakanlah kepadanya sebenarnya ia hidup dengan kitab ini *al-Nasyr*".

ii. Taqrib Al-Nasyr Fi Al-Qiraat Al-A'syr

Kitab ini adalah ringkasan bagi kitab *al-Nasyr*. Kandungannya ialah imam-imam, *tariq-tariq* yang masyhur dan sah disisi ulamak terdahulu.

iii. Ghayah Al-Nihayah Fi Tabaqat Al-Qurra

Kitab ini mempunyai dua jilid dan merupakan ringkasan kepada kitabnya "*Nihayah al-Dirayat Fi Asma Rijal al-Qiraat*". (masih dalam manuskrip). Kitab ini dianggap rujukan terpenting dalam pengenalan Qurra'.

iv. Tayyibah Al-Nasyr Fi Qiraat Al-Asyr

Kitab ini berbentuk matan dan mengandungi 1000 bait syair tentang qiraat sepuluh mutawirrah yang diriwayatkan dari Rasulullah S.A.W. Ia disempurnakan di negeri al-Rom pada tanggal Syaban tahun 799H. Dari sudut penggunaan istilah, beliau telah mengikut method yang dibuat oleh al-Syatiby ini bagi memudahkan pelajar memahami, menghafaz ilmu ini. Matan ini telah disyarah oleh kebanyakan ulama. Antara mereka ialah penulisnya sendiri iaitu Ibn al-Jazari, anaknya Muhammad (780-859), Syeikh Mohammad al-Munir ibn Hasan al-Samanawdi (1099- 1199H), Syeikh Ridwa al-Mukhalalati (1311) dan banyak lagi.

KAJIAN HADITH DALAM HIRZ AL-AMANI DAN TOYYIBAH AL-NASYR

Hadith pertama: al-Quran adalah *habl al-Allah*

عن أبي سعيد الخدري قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : كتاب الله هو جبل الله الممدود من السماء إلى الأرض

Beberapa sahabat ra. meriwayatkan hadith ini antaranya ialah Abu Said al-Khudry ra, Zaid Ibn al-Arqam. Hadith ini terdapat dalam kitab Sunan Tarmizi.³

Al-Syatibiy menggunakan kalimah *habl Allah* kepada kitab al-Quran. Beliau nyatakan dalam rangkap bait yang kelima di permulaan matn Hirz al-Amani:

وَبَعْدُ فَحَبْلُ اللَّهِ فِيْنَا كِتَابُهُ فَجَاهِدْ بِهِ جَبَلَ الْعَدَا مُتَحَبِّلاً

³ Mohammad Ibn Isa al-Tirmizi, Sunan al-Tirmizi, bab manaqib Ahli Baiti al-Nabi saw, no hadith: 3788, Riyadh: Maktabah al-Muarif, 3/855.

Selepas Basmalah, Selawat keatas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, para sahabat dan pengikut mereka yang baik hingga hari pembalasan, al-Syatibiy menyatakan bahawa ketahuilah bahawa tali penghubung antara Allah dan manusia ialah kitabnya yang Qadim dan kalamnya yang banyak hikmah. Justeru berusahalah wahai pembaca al-Quran dengan al-Quran ini kerana kandungannya yang dipenuhi dengan dalil dan bukti, juga diterangkan rancangan tipudaya musuh islam. Kamu jadikan al-Quran sebagai senjata untuk menarik mereka dalam kurungan iman dan Islam.

Hadith kedua: Perbandingan mukmin dan munafiq yang membaca al-Quran

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْأَنْجُرِجَةِ؛ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ، وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ؛ كَمَثَلِ التَّمْرَةِ لَا رِيحَ لَهَا وَطَعْمُهَا حُلْوٌ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الرَّيْحَانَةِ؛ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ لَيْسَ لَهَا رِيحٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ⁴

Dalam *Matn Hirz al-Amani*, al-Syatibiy menyatakan dalam bait syair yang ketujuh dengan katanya:

وَقَارِئُهُ الْمَرَضِيُّ قَرَّ مِثَالُهُ كَالْأَنْجُرِجِ حَالِيهِ مُرِيحًا وَمُوكَلًا

Perumpamaan pembaca al-Quran dan yang beramal dengannya adalah seperti *al-Utruj* iaitu buah yang bersifat harum baunya dan enak rasanya. Ini berdasar kepada hadith Rasulullah saw yang bermaksud: perumpamaan mukmin yang membaca al-Quran ialah seperti *Utruj* wangi baunya dan sedap rasanya . (riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadith ketiga: al-Quran sebagai Syafaat.

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: فَرَّوْا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ⁵...

Al-Syatibiy menyatakan dalam *Hirz al-Amany* di rangkap bait yang ke sepuluh dengan katanya:

وَإِنَّ كِتَابَ اللَّهِ أَوْثَقُ شَافِعٍ وَأَعْنَى عَنَاءٍ وَاهِبًا مُتَفَضِّلًا

Al-Quran al-Karim adalah kitab Allah yang memberi syafaat atau pertolongan. Pertolongannya sekali-kali tidak ditolak. Dalam satu hadith, Rasulullah saw bersabda: Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia datang pada hari kiamat memberi pertolongan kepada pembacanya (riwayat Muslim). Sesungguhnya al-Quran

⁴ Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no Hadith 5427 kitab fadhail Quran, bab al-Quran ala sair al-kalam.

⁵ Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi, Sahih Muslim, 1374 H, cetakan pertama, Beirut: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyy: 3088.

itu kaya dan tidak ada kefakiran bersamanya dalam erti kata al-Quran menganugerahkan pembacanya pahala dan melebihkannya dengan kemulian.

Ibn al-Jazari menyatakan anugerah Allah penghafaz Quran yang akan mendapat syafaat al-Quran dalam matn *Tayyibah al-Nasyr* dengan katanya

وهو في الأخرى شافع مشفع فيه وقوله عليه يسمع⁶

Hadith keempat: Kurniaan kepada ibubapa penghafaz al-Quran

معاذ بن أنس رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: من قرأ القرآن وعمل بما فيه ألبس والداه تاجًا يوم القيامة ضوءه أحسن من ضوء الشمس في بيوت الدنيا لو كانت فيكم فما ظنكم بالذي عمل بهذا⁷

Al-Syatibiy menyatakan dalam *Hirz al-Amani* berkaitan penghafaz al-Quran di mana ibu bapa mereka dianugerahkan kemulian pada hari akhirat dengan pakaian yang cantik. Perkara ini diterangkan dalam bait 15 hingga 17:

فَيَا أَيُّهَا الْقَارِي بِهِ مُتَمَسِّكًا مُجَلًّا لَهُ فِي كُلِّ حَالٍ مُبَجَّلًا
هَيْنًا مَرِيئًا وَالِدَاكَ عَلَيْهِمَا مَلَابِسٌ أَنْوَارٍ مِنَ التَّاجِ وَالْحُلَا
فَمَا ظَنُّكُمْ بِالتَّجْلِ عِنْدَ جَزَائِهِ أَوْلَيْكَ أَهْلُ اللَّهِ وَالصَّفْوَةُ الْمَلَا

Seterusnya penyusun syair ini menyeru kepada pembaca al-Quran yang bersifat dengan sifat yang telah disebut dengan berkata: wahai pembaca al-Quran yang berpegang dengannya, beramal kandungannya, mengagungkannya dalam semua keadaan, sekalung tahniah untuk mu dengan nikmat ini dan kemulian yang akan kamu perolehi pada hari kiamat إن شاء الله, demikian juga untuk kedua ibubapa kamu dipakai kepada mereka pakaian yang bercahaya, dipakai mahkota kemulian dan kemegahan dimana cahanya lebih cantik dari cahaya matahari di dunia..(al-Hadith)

Justeru apa lagi sangkaan kamu wahai anak yang membawa al-Quran dan beramal dengannya. Sesungguhnya sudah cukup kemegahan dan kemulian dengan menjadi *Ahlullah* dan pilihannya.

⁶ Muhammad Ibn Muhammad Ibn Yusuf Ibn al-Jazari, *Tayyibah al-Nasyr Fi al-Qiraat al-Asyr*, Cetakan lima, Madinah al-Munawwarah: Dar Ibn al-Jazari, hlmn 31.

⁷ Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar al-Asqalani, *Hidayah al-Ruwat Ila Takhrij Ahadith al-Masabih wa al-Misykat*, 1422H, cetakan pertama, al-Dammam: Dar Ibn al-Qayyim, jilid6 hlmn7.

Sebagaimana dalam hadith: ahli al-Quran adalah *Ahlullah* dan pilihannya. Wahai Allah jadikanlah kami ahli al-Quran yang sebenarnya di mana mereka adalah ahli kamu wahai Yang Amat Mengasihani.

Ibn al-Jazari menyatakan anugerah Allah kepada ibubapa penghafaz Quran ini dalam matn *Tayyibah al-Nasyr* dengan katanya:

يعطى به الملك مع الخلد إذا توجه تاج الكرامة كذا
يقرا ويرقى درج الجنان وأبواه منه يكسيان⁸

Hadith Kelima: Zaman berpegang kepada kebenaran seumpama memegang bara api.

عن أنس بن مالك رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: يأتي على الناس زمانٌ الصابِرُ منهم على دينه كالقابضِ على الجمرِ⁹

Dalam rangkap syair yang ke 81 dalam bab muqadimmah, al-Syatibiy menyatakan mafhum hadith diatas dengan kalam beliau berikut:

وَهَذَا زَمَانُ الصَّبْرِ مَنْ لَكَ بِاللَّيِّ كَقَبْضِ عَلَى جَمْرٍ فَتَنْجُو مِنَ الْبَلَاءِ

zaman yang kita hidup ini adalah zaman kesabaran terhadap kesusahan bagi yang berpegang kepada kebenaran dan beramal denganya. Lantaran banyaknya kebatilan yang wujud dan penolongnya. Barang siapa yang berpegang kepada kebenaran seumpama memegang bara api. Ini merupakan isyarat khabar yang menyatakan: akan datang kepada manusia satu zaman yang perlu bersabar terhadap agamanya seperti pegang bara api.

Hadith keenam: al-Quran memberi syafaat kepada pembacanya

وَعَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الصِّيَامُ وَالْقُرْآنُ يَشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ لِيُعْبَدَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَقُولُ الصِّيَامُ أَيْ رَبِّ مَنَعْتُهُ الطَّعَامَ وَالشَّهَوَاتِ بِالنَّهَارِ فَشَفَعَنِي فِيهِ وَيَقُولُ الْقُرْآنُ مَنَعْتُهُ النَّوْمَ بِاللَّيْلِ فَشَفَعَنِي فِيهِ قَالَ فَيُشَفَّعَانِ¹⁰

⁸ Ibn al-Jazari, *Tayyibah al-Nasyr*, hlmn 31.

⁹ Ahmad Ibn Ali Ibn hajr al-Asqalani, *Mizan al-Itidal*, 1416, cetakan pertama, Beirut: Muassasah al-Risalah: jilid 7 hlmn 459.

¹⁰ Abdul Rahman Ibn Abu Bakr al-Suyuti, *al-Jamie al-Soghie Fi Ahadith al-Basyir al-Nazir*, Ceetakan pertama, Beirut: Dar Kutub al-ilmiyyah: 14540.

Al-Syatibiy menyatakan syafaat Quran kepada pembacanya dalam rangkap syair 92 dengan katanya:

وَجَعَلْنَا مَنْ يَكُونُ كِتَابَهُ
شَفِيعاً لَهُمْ إِذْ مَا نَسُوهُ فَيَمْحَلَا

Apabila kita amalkan nasihat ini, aku mengharap Allah swt menjaga kumpulan ini Ahl al-Quran dari segala kejahatan, dan menjadikan kita di kalangan yang mendapat syafaat al-Quran dan saksiannya pada hari akhirat. Lantaran mereka tidak meninggalkannya dan tidak mengambil ringan haknya.

PENUTUP

Dua tokoh Qiraat yang banyak sumbangan dalam pengajian Quran iaitu al-Syatibiy dan Ibn al-Jazari. Karya yang mereka hasilkan terus menjadi rujukan dan teks pengajian Qiraat di pusat pengajian Quran di nusantara dan juga seluruh dunia arab. Kedua-duanya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam ilmu Qiraat bahkan juga dalam ilmu hadith. Banyak hadith yang membicarakan kelebihan membaca al-Quran, antaranya ialah al-Quran memberi syafaat kepada pembacanya pada hari akhirat. Begitu juga hadith berkaitan anugerah Allah kepada ibubapa pembaca al-Quran. Justeru kedua tokoh ini telah menyebut mafhum hadith tersebut dalam muqadimmah kitab mereka. Sebanyak enam hadith yang dikaitkan dengan mafhum yang dijelaskan dalam bentuk syair. Keenam-enam hadith tersebut samada berstatus sahih atau hasan. Tujuan menyebut kelebihan bacaan Quran dan manfaatnya pada hari akhirat adalah untuk menggalakkan umat islam bersama al-Quran iaitu membaca, mengamal dan menjadikan al-Quran panduan hidup.

RUJUKAN

Ibrahim Muhammad al-Jurmi, Imam Syatibiy Sayyid al-Qurra, 1420H, cetakan pertama, Damsyik: Darul Qalam

Al-Qasim Ibn Firruh Ibn Khalaf al-Syatibiy, Matn al-Syatibiyyah al-Musamma Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani, 1990/1410H, cetakan kedua, Madinah al-Munawwarah: Maktabah Dar al-Matbu'at al-hadithah

Mohammad Ibn Isa al-Tirmizi, Sunan al-Tirmizi, bab manaqib Ahli Baiti al-Nabi saw, no hadith: 3788, Riyadh: Maktabah al-Muarif, 3/855.

Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari, Sahih al-Bukhari,

Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi, Sahih Muslim, 1374H, cetakan pertama, Beirut: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyy

Muhammad Ibn Muhammad Ibn Yusuf Ibn al-Jazari, *Tayyibah al-Nasyr Fi al-Qiraat al-Asyr*, Cetakan lima, Madinah al-Munawwarah: Dar Ibn al-Jazari.

Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar al-Asqalani, *Hidayah al-Ruwat Ila Takhrij Ahadith al-Masabih wa al-Misykat*, 1422H, cetakan pertama, Jilid 6, al-Dammam: Dar Ibn al-Qayyim

Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al-Jazari , 1997, *Tayyibah al-Nasyr*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Ahmad Ibn Ali Ibn Hajr al-Asqalani, *Mizan al-‘Itidal*, 1416H, cetakan pertama, Jilid 7, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Abdul Rahman Ibn Abu Bakr al-Suyuti, *al-Jamie al-Soghie Fi Ahadith al-Basyir al-Nazir*, cetakan pertama, Beirut: Dar Kutub al-ilmiiyyah